

Laporan Kajian Randai Warisan Masyarakat Minang Negeri Sembilan: Meneroka Perkembangan dan Taburannya

ABD. SAMAD BIN KECHOT

ABSTRAK

Laporan penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian pemetaan Negeri Sembilan yang dijalankan pada tahun 2008. Data dikutip melalui penyertaan dalam persembahan, temubual dan observasi lapangan. Didapati Randai di Negeri Sembilan bermula daripada sejarah kemasukan orang-orang Minang dari Sumatera Barat. Seterusnya, didapati terdapat beberapa buah agensi yang berperanan dalam pembangunan warisan seni Negeri Sembilan ini, antaranya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (ketika itu), Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan, Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Sembilan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Taburan aktiviti tarian Randai di Negeri Sembilan menunjukkan hanya beberapa kawasan yang giat mempersembahkan tarian ini. Hal ini disebabkan oleh kecenderungan atau minat golongan pelapis yang berbeza di daerah tersebut serta keseriusan pihak terbabit dalam memelihara Randai di kawasan masing-masing.

Kata kunci : Perkembangan randai, pembangunan warisan, falsafah randai, taburan penggiatnya, fungsi randai dan usaha pemeliharaan.

ABSTRACT

This research report is part of cultural mapping research in Negeri Sembilan which been undertaken in 2008. Data has been collected through participation in its performances, interviews and field observations. It is found that Randai in Negeri Sembilan had been brought by the Minang people who were originated from Western Sumatera. Further more, there are few agencies that have played their in developing this Negeri Sembilan's cultural heritage such as Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (formerly), Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan, Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Sembilan, and Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. The distribution of Randai activities in Negeri Sembilan could illustrate there are only few places that still perform this dance actively. This is because there are difference of the inclination or interest among the youngest from one district to other districts, and also the lack of seriousness of those involved in the respective district.

Key Words: Randai development, heritage development, Randai philosophy, the distribution of its activists, randai functions and preservation endeavour

Pengenalan

Randai merupakan salah satu seni-budaya masyarakat Minangkabau di Beranang, Jelebu, Kuala Pilah dan Mantin. Randai berasal daripada perkataan “merandai,” bermaksud mengarang atau melingkar suatu kawasan lapang untuk mencari sesuatu yang hilang. Pada masa dahulu ia sering dipersembahkan pada pesta menuai padi, upacara perkahwinan dan adat istiadat lain. Sejajar dengan tempat asal masyarakatnya, randai di Negeri Sembilan adalah berasal dari orang Minangkabau di Sumatera Barat. Demikian juga haln dengan Caklempong, Bongai, Tumbuk Kalang, Dikir Rebana dan Tari Piring, Berendoi. Randai yang ada di Negeri Sembilan pada hari ini masih terikat pada Randai di asalnya di Minangkabau. Walau bagaimanapun, randai di Negeri Sembilan mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada di Sumatera Barat.

Kajian ini memberi fokus terhadap Randai kerana ia merupakan salah satu seni persembahan yang unik. Ia menggabungkan unsur seni pencak silat, muzik, lakonan dan tarian. Pada hari ini terdapat empat kumpulan yang masih aktif mempersembahkan randai iaitu Kumpulan Randai di Jelebu, Kumpulan Randai Rantau, Kumpulan Randai Taman Budaya Negeri Sembilan dan Kumpulan Randai Laman Bangkinang Kuala Pilah.

Menurut Encik Saad Harun, kumpulan Randai yang ada di Jelebu dibangunkan dalam rangka pengembangan kebudayaan tradisional Negeri Sembilan yang berasal daripada Minangkabau. Sesungguhnya banyak nilai seni yang dipaparkan oleh teater rakyat ini. Kesenian Randai ini sangat bermanfaat untuk memupuk kesatuan dan persaudaraan antara pemain dengan masyarakat. Tulisan ini menjelaskan apa yang sebenarnya dijalankan di Negeri Sembilan.

Ciri persembahan randai

Randai adalah satu persembahan yang berkonsepkan gerak tari silat yang diselangi nyanyian berunsur lagu rakyat serta diiringi muzik caklempong, rebana, salung dan gong. Pelbagai pendapat menyatakan bahawa Randai ialah tarian yang dipersembahkan oleh beberapa orang yang menari, bernyanyi dan bertepuk tangan.

Menurut Khairul Harun (1979:83), Randai dari segi makna bermaksud peristiwa yang dipandang sebagai perumpamaan atau ibarat, sedangkan tarian dalam Randai menjadi pelengkap atau daya tarik. Dalam Randai, disajikan ucapan yang bersifat perpisahan sehingga Randai juga digolongkan sebagai teater tradisional rakyat di Minangkabau. Persembahan Randai penuh dengan pembicaraan berandai-andai yang dihiasi dengan kiasan-kiasan, perumpamaan, dan lain-lain termasuk seni bicara (pertuturan) yang lahir secara spontan dalam bentuk cerita atau disebut “kaba” dalam dialek Minangkabau. Kaba dalam perkataan Minangkabau ialah cerita. Bakaba ialah bercerita.

Ada cerita yang disampaikan dalam semasa menari. Langkah dan gerakan seperti pencak. Ia dipersembahkan secara berkeliling atau dalam lingkaran, dan jumlah pelakornya tidak ditetapkan (Darwis, 1964: 31). Mursal Esten (1991) mengatakan Randai adalah tarian dan kaba, diperkenalkan pula dengan bentuk kesenian yang baharu, iaitu komedi bangsawan. Memandangkan bentuk yang baharu ini secocok dan dekat dengan bentuk kesenian yang ada sebelumnya, maka dengan mudah bentuk kesenian ini diterima dan berpadu untuk melahirkan suatu bentuk teater rakyat dalam bentuk randai itu.

Beberapa peristiwa dan tokoh daripada sesebuah cerita mulai divisualisasikan dan didramatisasikan sehingga muncul lakonan dan dialog dalam kesenian tersebut. Daripada proses perkembangan tersebut, muncul unsur-unsur dan ciri-ciri esensial yang baharu daripada bentuk kesenian Randai sebagai teater rakyat (yang pada hakikatnya masih muda, iaitu wujud sekitar tahun 1930-an). Kewujudan kesenian ini bermula daripada perkembangan beberapa bentuk kesenian sehingga menjadi suatu bentuk kesenian baharu, iaitu Randai sebagai teater (rakyat)

Berdasarkan beberapa pendapat di atas, Randai sebagai teater rakyat tergolong dalam seni persembahan tradisional yang di dalamnya terkandung unsur-unsur seni seperti tarian (gelombang), nyanyian (dendang/ gurindam), dan seni peran (lakonan-dialog), sehingga dalam penyajian cerita/kaba terdapat pelakon/pemeran utama. Persembahan Randai dilakukan dalam posisi melingkar (lingkaran) dan penonton bertepuk tangan sebaik sahaja sesebuah pantun didendangkan/ digurindamkan. Dengan demikian Randai sebagai teater rakyat disubstansikan sebagai menyampaikan ‘pesan’ melalui Kaba yang disajikan.

Walaupun satu genre persembahan yang agak muda namun randai mempunyai fungsi dalam masyarakatnya. Ia merupakan salah satu saluran untuk mendidik generasi muda supaya memahami seni tradisi yang kaya dengan nilai, terutama nilai pendidikan yang terdapat dalam sesebuah cerita (Temu bual di Jelebu, 13 November 2007).

Selain itu, menurut Encik Fendi, penggiat seni dari Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Sembilan (JKKWNS), Randai di Minangkabau hidup dan berkembang daripada sasaran silat. Oleh itu, tidak hairanlah jika karakter utama yang menonjol pada waktu itu ialah pola gerakan gelombangnya yang banyak bersumber daripada gaya pencak silat.

Di Negeri Sembilan, kesenian ini tidak dikembangkan dalam kalangan sasaran silat, sebaliknya dikembangkan di kawasan-kawasan yang mempunyai ruang yang besar sahaja seperti di sekolah dan persatuan masyarakat sekampung. Namun pada prinsipnya, Randai menggunakan gerak pencak silat sebagai sumber utama (Temu bual dengan Encik Fendi, November 2007).

Selanjutnya, Encik Fendi mengatakan Randai yang diajarkan kepada Kumpulan Taman Budaya (JKKWNS) Negeri Sembilan adalah lebih menarik kerana adanya selingan muzik dan tarian semasa Randai rehat. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan telah menunjukkan kesungguhan terhadap kepentingan penggalian, pelestarian, dan pengembangan seni tradisi Negeri Sembilan termasuklah Randai. Oleh itu, kerajaan telah memberikan perhatian terhadap Kumpulan Randai yang tidak terdapat di beberapa daerah di Negeri Sembilan. Namun demikian, perhatian kerajaan itu tidak akan bererti apa-apa sekiranya generasi muda tidak menunjukkan minat untuk mewarisinya. Di daerah Jelebu, kesenian Randai telah dijadikan identiti daerah. Oleh sebab itulah masyarakat di daerah ini masih menyemaikan minat terhadap kesenian ini dalam kalangan generasi muda.

Hal ini dibuktikan melalui penjelasan Encik Rahmat (penggiat Randai Jelebu) bahawa Randai tidak akan pupus di Jelebu kerana generasi mudanya masih banyak yang berminat untuk mempelajarinya. Kesefahaman antara pemimpin dengan ahli kumpulan adalah sangat diutamakan sehingga hari ini. Randai Jelebu masih terpelihara sebagai milik masyarakat.

Latihan

Menurut Encik Saad Harun, proses mempelajari Randai terdiri daripada beberapa peringkat, iaitu yang pertama, latihan gerak dasar silat untuk melatih posisi gerak pencak silat agar sesuai dengan ciri-ciri yang ada pada tari Randai.

Kedua, latihan lakonan, kerana Randai membawakan cerita dalam persembahannya. Oleh itu, setiap pemain yang memegang peranan sebagai pelakon perlu dilatih untuk mempelajari pelbagai teknik

melafazkan ayat-ayat yang ada pada cerita, termasuk pemahaman tentang sesuatu cerita.

Ketiga, latihan gurindam, kerana persembahan Randai memerlukan gurindam. Oleh yang demikian, pemain yang bertugas sebagai penggurindam perlu menjalani latihan khusus agar nyanyian yang disampaikan dalam dalam persembahan Randai berupaya memikat penonton. (Temu bual di Jelebu, November 2007).

Elemen Randai

Randai di Negeri Sembilan memiliki beberapa ciri-ciri yang sama dengan Randai di Minangkabau. Ia memiliki unsur *essential* dan unsur pendukung. Unsur *essential* terdiri daripada cerita, gurindam, gelombang, dialog dan lakonan. Unsur ini dianggap *essential* kerana ia menggerakkan sesebuah persembahan randai. Sekiranya salah satu daripada unsur ini tidak ada maka randai tidak dapat dipersembahkan. Unsur pendukung pula terdiri daripada kostum, tatarias dan muzik.

Unsur *essential* dan unsur pendukung saling berkait untuk menyemp menyempurnakan persembahannya. Pengembangan dan penggarapan unsur esensial dan unsur pendukung di atas merupakan salah satu proses yang perlu dititikberatkan oleh Kumpulan Randai Negeri Sembilan.

Cerita

Penceritaan merupakan unsur penting dalam sesebuah persembahan randai. Salah satu contoh cerita yang menarik ialah cerita yang dibawa oleh Kumpulan Randai Jelebu, iaitu Rangkayo Mudo. Cerita ini mengisahkan seorang anak muda (Rangkayo Mudo) yang pergi merantau kerana tuntutan kehidupan di kampung. Keadaan ini sudah menjadi tradisi bagi lelaki adat Perpatih. Sebelum berangkat ke rantau, Rangkayo Mudo meminta izin daripada bapa, ibu, kakak, dan kawan-kawannya. Di tengah jalan, Rangkayo Mudo berdepan dengan halangan (disamun) daripada orang muda-muda yang bergelar pendekar (Pendekar Lepai dan Pendekar Regok). Rangkayo Mudo dipaksa menyerahkan segala yang ada namun Rangkayo Mudo enggan. Akibatnya, berlaku perkelahian antara pendekar tersebut dengan Rangkayo Mudo. Disebabkan kehebatan Rangkayo Mudo dalam bersilat, maka kedua-dua pendekar itu dapat dikalahkan oleh Rangkayo Mudo. Kemudian Rangkayo Mudo meneruskan perjalanannya menuju ke destinasi yang seterusnya.

Beberapa tahun kemudian, setelah lama di perantauan, Rangkayo Mudo mahu pulang ke kampung untuk berjumpa dengan bapa, ibu, dan keluarganya.. Dia ingin memajukan kampungnya. Namun di pertengahan jalan, dia menghadapi halangan daripada pendekar yang telah dikalahkannya dulu. Rangkayo Mudo dihadang oleh kedua-dua pendekar tersebut. Akhirnya Rangkayo Mudo dapat dikalahkan oleh pendekar tersebut. Semua kekayaan yang ada diambil dan dibawa lari. Rangkayo Mudo ditinggalkan oleh pendekar dalam keadaan berdarah. Tidak lama kemudian Rangkayo Mudo meninggal dunia di tempat tersebut dan kematiannya diketahui oleh orang kampung.

Gerakan

Gerak gelombang dilakukan dalam posisi melingkar. Seluruh anggota pemain melakukan gerakan yang sama di bawah pimpinan tukang goreng. Tukang goreng merupakan pemimpin utama yang menentukan kelancaran gerak gelombang. Biasanya semua pemain akan mengikut tukang goreng dalam melakukan gerak gelombang. Gerak gelombang ini pada awalnya banyak bersumberkan gerak pencak silat. Namun kemudian, gerak ini sudah mengalami perubahan, iaitu banyak menggunakan tarian joget.

Improvasi

Bagi Randai Negeri Sembilan, sebagaimana halnya di Minangkabau, tukang goreng juga boleh menentukan suasana persembahan. Apabila suasana persembahan menjadi hambar, maka tukang goreng harus bijak menangani situasi ini, iaitu mengubah gerak gelombang menjadi lebih dinamis dan agresif. Gerakan ini akan disesuaikan dengan irama gurindam yang dibawakan.

Menurut Encik Saad Harun, tukang goreng boleh memanjangkan dan memendekkan persembahan. Apabila penonton meminta agar suasana disemarakkan, maka tukang gorenglah yang menentukannya. Sebaliknya apabila penonton atau pemain sendiri ingin memendekkan gerak gelombang, maka tukang goreng akan memendekkan gerak gelombang yang sedang dibawakan. Umumnya gerak gelombang itu seiring dengan permainan tepuk galembong, tepuk paha, dan tepuk tangan. Sebaik sahaja selesai persembahan, kesenian ini akan diakhiri dengan tepuk galembong, tepuk paha, tepuk tangan, dan juga tepuk dada. Kemudian, tukang goreng akan memberikan tanda kepada pemain untuk duduk dalam posisi tetap melingkar. Oleh sebab itu, seseorang yang dilantik sebagai tukang goreng

harus tahu jalan cerita, mempunyai suara yang bagus dan lantang, menguasai gerakan, pola-pola pukulan galembong, paha, dan tangan. Pemain Randai yang bertugas sebagai penari galombang berada dalam posisi lingkaran. Biasanya sebahagian pemain galombang berperanan sebagai tokoh dalam cerita. Namun ketika berperanan sebagai tokoh dalam cerita, pemain boleh masuk ke dalam lingkaran.

Gurindam

Gurindam ialah sejenis dendangan tradisional Melayu dalam bentuk pantun yang bermula daripada bahagian cerita. Fungsi gurindam dalam persembahan Randai adalah sebagai variasi menyampaikan cerita, menyatakan perubahan tempat, perubahan waktu, perubahan suasana, dan menggerakkan cerita dalam persembahan Randai. Selain itu, gurindam juga berfungsi untuk menyampaikan bahagian cerita yang tidak dilakon dan didialogkan. Gurindam kadang-kadang diiringi oleh muzik instrumen seperti bangsi dan saluang.

Menurut Encik Pendi, penggiat seni di Negeri Sembilan, kata-kata dalam gurindam disusun untuk menyatakan perubahan tempat, waktu, dan suasana tetapi dapat menggambarkan jalan cerita. Misalnya, apakah yang telah terjadi, apakah yang akan terjadi, dan bagaimanakah keadaan tokoh dalam cerita.

Gurindam juga berperanan sebagai peralatan mengedit untuk meringkaskan cerita, memperkukuh plot, memberikan tekanan pada bahagian cerita yang penting atau menceritakan tokoh tanpa menampilkan orangnya (pemain) di hadapan penonton. Dengan demikian gurindam dalam persembahan Randai berfungsi untuk menyampaikan cerita dalam bentuk deskriptif dan ilustratif, sedangkan cerita yang bersifat dramatik disampaikan melalui dialog dan lakonan.

Berdasarkan kesan yang dirasai, gurindam yang disajikan dalam kesenian Randai Negeri Sembilan terdiri daripada dua jenis, iaitu gurindam jenis sedih dan gurindam jenis gembira. Gurindam jenis sedih ialah dendangan yang sedih atau mendatangkan hiba sedangkan gurindam jenis gembira ialah dendangan yang memberikan kesan riang gembira.

Terdapat gurindam yang menyerupai bentuk pantun yang mempunyai pembayang maksud “sampiran” dan ada pula yang terikat dengan cerita. Pantun yang mempunyai pembayang maksud yang bebas ialah pantun yang sampirannya tidak berhubungan dengan isi cerita. Pantun yang terikat dengan cerita pula ialah pantun yang mempunyai sampiran dan isi yang berkaitan dengan jalan cerita.

Umumnya dendangan yang dijadikan gurindam Randai Negeri Sembilan ialah dendangan yang berasal dari Minangkabau seperti Dayang Daini, Simarantang, Talipuak Layua dan Indang Kurinci. Orang yang dipilih menjadi tukang gurindam ialah orang yang memiliki suara yang baik. Tukang gurindam juga ialah orang yang memahami jalan cerita dan menguasai suasana persembahan. Karakter vokal yang baik sudah pasti akan memberikan suasana persembahan yang baik juga.

Muzik

Muzik merupakan elemen yang sangat penting dalam Randai Negeri Sembilan. Oleh sebab itu, pemain muzik bagi kumpulan ini dipilih daripada kalangan yang suka akan muzik tradisional.

Muzik Randai pada awalnya bersifat dalaman, iaitu lahir daripada pemain itu sendiri. Yang pertama ialah muzik vokal berupa gurindam disajikan oleh pemain Randai yang berada dalam lingkaran. Tukang gurindam terdiri daripada beberapa orang. Mereka bersahut-sahutan dalam menyajikan pantun-pantun. Kadang-kadang antara bahagian pantun diselangi dengan vokal yang berbunyi “hep” ... “tahun”... “tih” sambil menepuk tangan, paha atau galembong.

Yang kedua pula ialah muzik instrumen, iaitu berupa ensambel muzik Caklempong Pacik dengan menggunakan alat-alat berupa enam buah caklempong, pupuik, dan gendang. Ensambel muzik caklempong tersebut lebih berfungsi sebagai arahan ketika memulakan persembahan Randai dan pada akhir persembahan. Selain itu, ada juga pemain Randai yang menggunakan muzik tiupan bangsi untuk mengiringi gurindam. Bahkan sekarang ini sudah ada ensambel muzik yang digunakan untuk menghidupkan suasana cerita.

Kostum

Tatarias busana Randai Negeri Sembilan pada awalnya lebih bersifat sederhana sahaja, iaitu celana galembong baju hitam, dan destar hitam. Akan tetapi lama-kelamaan busana ini menjadi aspek yang perlu dipertimbangkan setiap kali mengadakan sesuatu persembahan. Bagi memastikan kumpulan Randai ini kelihatan lebih ghairah dan ceria, rias busana ditambah dengan memakai pakaian yang berwarna-warni.

Busana pemain Randai terdiri daripada busana anak Randai dan busana tokoh Randai. Busana anak Randai juga bergantung kepada keperluan cerita. Mereka dikehendaki memakai baju gunting cino, pakai

galembong, dan destar. Busana tokoh Randai pula disesuaikan menurut peranan yang hendak dimainkan.

Warna juga memainkan peranan dalam persembahan randai. Apabila seseorang tokoh itu berperanan sebagai orang yang berani, biasanya ia diberikan pakaian berwarna merah. Sekiranya tokoh itu beraksi sebagai perompak atau urang bagak, pakaiannya sudah pasti berwarna hitam. Demikian juga untuk peranan tokoh wanita, ia akan didandankan dengan pakaian wanita seperti sandal bertumit tinggi kebaya pendek, sunting, dan sebagainya.

Keterangan lebih lanjut tentang busana dalam Randai di Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

1. Seluar Galembong: Celana longgar yang tidak berkantung (saku), pesaknya terbuai ke bawah (jauh ke bawah), dan hanya hujung bahagian kaki yang agak kecil seperti gambar yang berikut:
2. Baju Guntiang Manih: Baju longgar berlengan panjang, tidak mempunyai krah (kelepak baju), bahagian dada di belah lebih kurang satu jengkal (15 sm), tidak memakai buah baju (kancing) dan mempunyai dua kantung (saku). Walau bagaimanapun, pada hari ini telah berlaku perubahan dari segi bentuk, warna, dan hiasan baju ahli Randai.
3. Deta (destar: Ikat kepala dengan bentuk dasarnya segi empat. Destar ini diikatkan di kepala akan dibentuk bersesuaian dengan keinginan seperti bergonjong (tirus) satu, bertanduk dua, dan sebagainya.
4. Kain sampiang (kain samping) ialah sejenis kain sarung yang diikatkan di pinggang pemain tetapi bukanlah seperti ikat pinggang. Apabila kain ini dipakai, bentuknya akan menyerupai segi tiga di pinggang.

Di samping jenis pakaian, terdapat hiasan tambahan yang disebut 'tanti' (bertenti) pada pakaian tersebut. Tanti ialah hiasan berjahit benang emas. Pakaian bertanti dalam persembahan Randai adalah penting untuk menambah manisnya (bagus) sesuatu penampilan, di samping menjadi pembeza antara ahli yang lain dalam sesebuah kelompok/kumpulan Randai.

Upacara-upacara Dipersembahkan Randai

Kesenian Randai ditampilkan dalam pelbagai upacara adat seperti perasmian pelantikan penghulu/datuk, helat perkahwinan, majlis

kesyukuran selepas selesai penuaian dan jemputan acara anjuran kerajaan. Bagi menyempurnakan upacara tersebut, Randai akan dipersembahkan di tempat- tempat yang berikut:

Bagi upacara perasmian pelantikan penghulu/datuk: menobatkan penghulu yang baharu dipilih oleh kaum atau sukunya, persembahan Randai biasanya diadakan di tempat terbuka. Namun sekarang, persembahan kesenian tersebut banyak diadakan di gedung-gedung. Bagi upacara ini, persembahan yang diadakan lebih berfungsi sebagai hiburan kepada penduduk kampung dan hadirin yang datang menyaksikan persembahan ini.

Bagi upacara perkahwinan, iaitu upacara yang dilaksanakan untuk memeriahkan perkahwinan, Randai memainkan peranan sebagai hiburan bagi kedua-dua pengantin khususnya keluarga dan masyarakat amnya. Dalam upacara perkahwinan ini, Randai dipersembahkan di halaman rumah, iaitu empat pesta tersebut diadakan . Walau bagaimanapun, sudah ada yang membuat persembahan di atas pentas agar mudah disaksikan oleh penonton.

Upacara kesyukuran selepas selesai menuai: apabilat tuaian dapat dijalankan dengan baik. Randai ditampilkan/dipersembahkan oleh masyarakat (anak kampung) sebagai tanda syukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa (Allah) yang wujud sebagai hiburan melepaskan lelah selepas habis bekerja di sawah dan lebih jauh lagi untuk memupuk tali silaturrahim (persahabatan) bagi sesama warga masyarakat (anak nagari). Bagi upacara ini, Randai dipersembahkan di kawasan terbuka. Bagi upacara kerajaan seperti memperingati hari ulang tahun kemerdekaan dan sebagainya: dipersembahkan sesuai dengan situasi dan keadaan tempat yang disediakan oleh jawatankuasa pelaksana. Pentas juga diadakan di kawasan terbuka ataupun Randai di dalam rumah atau bangunan (ruang).

Pewarisan

Sesuai dengan dengan pengucapan adat “pusako nan bajaweh dan warih nan batolong” (pusaka dan waris yang memerlukan ahli warisnya), randai diwariskan secara turun-temurun daripada generasi kepada generasi berikutnya. Randai juga dikenali sebagai salah satu khazanah budaya/kesenian Negeri Sembilan. Oleh itu, sudah tentu warisan seni ini tidak luput seperti yang tergambar dalam pepatah adat yang disampaikan tadi. Secara tradisional, sistem pewarisan yang dipamerkan dalam kesenian Randai tidaklah mudah. Sistem ini harus memenuhi syarat-syarat yang

sangat diyakini oleh masyarakatnya, iaitu kesedaran untuk mewarisi budaya ini. Usaha untuk mewarisi Randai ini sangat bergantung kepada bakat, kemahuan, dan ketekunan seseorang dalam mempelajari Randai. Dewasa ini, Randai hanya berkembang di empat buah lokasi di Negeri Sembilan, iaitu Beranang, Jelebu, Kuala Pilah, dan Mantin. Walau bagaimanapun, tidak banyak pewaris yang dapat mewarisi seni ini. Hal ini ada kaitan dengan sikap generasi muda yang kurang berminat untuk mempelajari Randai. Sikap generasi muda ini berpunca daripada kurangnya peluang yang diberikan oleh pelbagai pihak di negara ini untuk mengadakan persembahan Randai. Bagi mengatasi masalah ini, Randai di Negeri Sembilan mulai diubah suai agar dapat memupuk minat generasi muda dan masyarakat seluruhnya terhadap kesenian ini. Salah satu daripada usaha yang diambil adalah dengan memasukkan elemen muzik dan tari bagi menghiburkan penonton. (Temu bual dengan Encik Fendi, November 2007).

Penutup

Seni persembahan Randai di Negeri Sembilan adalah salah satu seni persembahan warisan yang unik dan penuh nilai estetika. Tanggungjawab memelihara dan mengenengahkan Randai seharusnya menjadi tanggungjawab semua pihak agar kesenian ini tersu kekal di tanah adat ini. Kesungguhan dan penglibatan golongan atasan perlu disokong dan pendedahan kepada golongan pelapis perlu dipergiatkan agar Randai dapat diperluaskan lagi keseluruh daerah Negeri Sembilan khususnya dan di Malaysia amnya.

Rujukan

- Abdul Hamid Adnan. 2004. *Muzik Caklempong*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Hasan. 1984. *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur. Persatuan Muzium.
- Haji Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad. 1994. *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. 1981. *Tarian-tarian Malaysia*. Kuala Lumpur. Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd Zin bin Mohd Sahid. 1998. *Bongai: Lagu Tradisional Negeri Sembilan*. Seremban. Unit Pemuliharaan dan Penyelidikan Negeri Sembilan.

- Mohd. Ghouse Nasaruddin. 1991. *Muzik Nelayu Tradisi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazit Selat. 1990. *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur. Persatuan Muzium.